



KENYATAAN AKHBAR

MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN SIJIL KEPADA PESERTA-PESERTA PROGRAM PENDEDAHAN BELIA-BELIA YANG BERPOTENSI UNTUK MENCEBURI BIDANG PERTANIAN BERTEKNOLOGI TINGGI

**03 MUHARRAM 1441H BERSAMAAN DENGAN 03HB SEPTEMBER 2019M,
Dewan Simpur, Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba,
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan**

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengadakan majlis penutup dan penyampaian sijil kepada peserta-peserta yang mengikuti “Program Pendedahan Belia-Belia yang Berpotensi untuk Menceburi Bidang Pertanian Berteknologi Tinggi” yang telah diungkayahkan pada kali yang ketiga selama 04 hari bermula 28 Ogos hingga 03 September 2019. Seramai 20 peserta yang berjaya melengkapkan program yang merangkumi taklimat dan lawatan ke beberapa ladang dan pasaraya telahpun menerima sijil penyertaan program yang telah disampaikan oleh Tetamu Kehormat Majlis, Yang Mulia Hajah Aidah Binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bertempat di Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Turut hadir sama di majlis tersebut ialah Ketua-Ketua Bahagian serta Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Program ini adalah merupakan salah satu inisiatif Kementerian dalam mendokong Pelan Strategik Jabatan Pertanian dan Agrimakanan 2016-2022, yang berkaitan dengan usaha untuk meningkatkan penglibatan belia dalam sektor pertanian. Di samping itu juga, program ini bertujuan untuk mendedahkan perusahaan pertanian sebagai satu perniagaan menguntungkan serta membuka peluang kepada belia-belia untuk menceburi dalam sektor ini, khususnya dalam bidang industri tanaman menggunakan sistem teknologi tinggi bagi meningkatkan hasil keluaran pertanian.

Program ini dibahagikan kepada sesi taklimat dan sesi lawatan ke pasaraya-pasaraya dan ladang-ladang pertanian. Pada sesi taklimat tersebut, penerangan mengenai peluang-peluang pelaburan dalam industri pertanian, simulasi kewangan bagi perusahaan pertanian menggunakan teknologi tinggi, peluang-peluang pasaran di pasaraya tempatan dan eksport dan tatacara permohonan tapak bagi perusahaan pertanian telah disampaikan oleh pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Manakala, taklimat mengenai penubuhan atau pendaftaran syarikat dan nama perniagaan telah disampaikan oleh pihak Bahagian Pendaftar Nama-Nama Perniagaan dan Pendaftaran Syarikat-Syarikat, Kementerian Kewangan. Dalam sesi lawatan pula, di antara pasaraya-pasaraya dan ladang-ladang pertanian yang telah dilawati ialah Sim Kim Huat Department Store, Supasave, Hua Ho Department Store, RZ Prisma Enterprise, Syarikat Greenthumb Farms Sdn Bhd, Ladang Tunas Harapan dan Riverland Agriculture Farm.

Melalui program ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah memberikan fokus kepada beberapa sistem dan teknologi pengeluaran yang bersesuaian dengan kemampuan para peladang belia seperti sistem fertigasi dan sebagainya. Program ini juga menyentuh tentang peluang-peluang perniagaan berkaitan dengan pertanian (*spin-off businesses*) dan juga peluang-peluang pemasaran di pasaraya-pasaraya tempatan dan eksport.

Dengan adanya program ini, diharap akan dapat menarik minat dan meningkatkan penglibatan para belia termasuk lepasan daripada Institusi Pendidikan Tinggi dan dapat meningkatkan dokongan dari keluarga masing-masing dari segi moral dan modal bagi menggalakkan penglibatan anak-anak mereka dalam bidang pertanian.

Program ini juga diharapkan akan dapat melahirkan usahawan-usahawan pertanian belia yang komited, progresif dan produktif bagi sama-sama menyumbang ke arah peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam sektor pertanian.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

03 Muharram 1441H/03 September 2019M